PUBLIC ISLAMIC BANK
大众回教银行

PERBANKAN ISLAM

| LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK<br><br>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH ini. Pastikan juga tuan/puan membaca terma dan syarat amnya. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma amnya.) | PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD<br>197301001433 (14328-V)<br><br>Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH (PGGS-i)<br><br>TARIKH: |
|---|---|

**1. Apakah produk ini?**

| | |
|---|---|
| [    ]<br><br>[    ] | **Pembiayaan Berjangka-i/Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Pembiayaan Baharu) [TF-i/PGGS-i (New Financing)]**<br>**Kemudahan Tunai-i/Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Pembiayaan Baharu) [CLF-i/PGGS-i (New Financing)]**<br>• Untuk modal kerja/perbelanjaan modal (CAPEX). |
| [    ]<br><br>[    ] | **Pembiayaan Berjangka-i/Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Modal Kerja Tambahan) [TF-i/PGGS-i (Additional WC)]**<br>**Kemudahan Tunai-i/Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Modal Kerja Tambahan) [CLF-i/PGGS-i (Additional WC)]**<br>• Untuk modal kerja tambahan. |

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?**

- Bai' Al-Inah – Merujuk pengaturan yang melibatkan jualan aset kepada pembeli atas dasar tertunda dan pembelian aset berikutnya pada harga tunai yang lebih rendah daripada harga jualan tertunda.
- Murabahah - Kaedah jualan dengan menaikkan harga (mark-up) yang mana kos sebenar dan margin keuntungan akan dimaklumkan kepada pelanggan.

**3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?**

| **a) Pembiayaan Berjangka-i/Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Pembiayaan Baharu)**<br>**b) Pembiayaan Berjangka-i/Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Modal Kerja Tambahan)** | | |
|---|---|---|
| Amaun Pembiayaan/Harga Belian oleh Bank | : | RM |
| Margin Pembiayaan (M/F %) | : | % |
| Takaful | : | RM |
| Tempoh (Tahun) | : | |
| **Kadar Keuntungan** | | |
| Harga Jualan oleh Bank | : | RM |
| Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR) | : | % |
| Kadar Keuntungan Efektif (EPR) | : | % |

**3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?, sambungan**

| a) Kemudahan Tunai-i/ Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Pembiayaan Baharu)<br>b) Kemudahan Tunai-i/ Skim Jaminan Kerajaan-i PEMULIH BAE (Modal Kerja Tambahan) | | |
|---|---|---|
| Had Jumlah/Harga Belian oleh Bank | : | RM |
| Tempoh (Tahun), boleh diperbaharui apabila tamat tempoh | : | |
| **Kadar Keuntungan** | | |
| Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR) | : | BFR + 4% |
| Kadar Keuntungan Efektif (EPR) | : | % |
| Jumlah Keuntungan perlu dibayar ialah | : | RM |
| Harga Jualan oleh Bank | : | RM |

**4. Apakah obligasi saya?**

- Bagi pembiayaan Kadar Boleh Ubah, pelanggan dilindungi daripada turun naik kadar pada masa hadapan memandangkan jumlah kos pembiayaan atau kadar keuntungan maksimum adalah ditetapkan pada CPR. Sepanjang tempoh pembiayaan, pelanggan akan menikmati rebat dan bayaran ansuran yang lebih rendah selagi EPR adalah lebih rendah daripada CPR.
- Rebat (jika berkenaan) akan diberi kepada pelanggan jika terdapat perbezaan antara CPR dengan EPR.

**Nota Penting: Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran tuan/puan mungkin berubah jika Kadar Pembiayaan Asas (BFR) berubah.**

| Kadar | Hari ini (BFR = %) | Jika BFR naik 1% | Jika BFR naik 2% |
|---|---|---|---|
| Ansuran bulanan | RM | | |
| Jumlah kos keuntungan pada akhir tahun ke-______ | RM | | |
| Jumlah pembayaran pada akhir tahun ke- ______ | RM | | |

**5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

5.1 Duti Setem
- Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949 (Semakan 1989) tertakluk pada pengecualian duti setem, jika ada.

5.2 Fi Jaminan
- 0.75%/1.00% setahun atas amaun perlindungan, dibayar kepada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di www.publicislamicbank.com.my.

**6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?**

6.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya di bawah jenis kemudahan yang berkenaan, sekiranya berlaku kemungkiran, Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:

a) Jika gagal untuk membuat bayaran ansuran bagi kemudahan mulai tarikh pengeluaran pertama sehingga tarikh matang kemudahan tersebut, kadar *ta'widh* (ganti rugi) yang akan dikenakan ialah satu peratus (1%) setahun atas apa-apa amaun lampau tempoh, atau kadar lain yang seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi *ta'widh* atas ansuran lampau tempoh adalah seperti yang berikut:

$$\text{Ansuran Lampau Tempoh} \times \text{Kadar } \textit{Ta'widh} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

b) Sila maklum bahawa sekiranya akaun tuan/puan terus tertunggak dan sekiranya kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang, caj bagi pembayaran lewat sebanyak 1% setahun atas baki belum bayar akan dikenakan.

$$\text{Baki Belum Bayar} \times 1\% \text{ setahun} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

c) Jika gagal untuk membayar apa-apa ansuran dan kegagalan untuk membayar itu berterusan melepasi tarikh matang kemudahan, kadar ganti rugi yang akan dikenakan adalah Kadar Pembiayaan Purata Bank* (KPP) atas baki belum bayar atau kadar lain seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi caj pembayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Bayar} \times \text{KPP} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

* Juga dikenali sebagai “Kadar Bergabung” yang terdiri daripada dua (2) elemen iaitu *ta'widh* dan *gharamah*. *Ta'widh* merujuk pada amaun yang boleh diganti rugi kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang ditanggung disebabkan oleh kemungkiran manakala *gharamah* merujuk pada penalti yang dikenakan ke atas pemungkir selain daripada *ta'widh*.

d) Bank tidak akan mengira ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.

6.2 Bank berhak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan Akaun Semasa/Simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau fi lain yang dikenakan bagi pemberian pembiayaan berkenaan termasuk caruman Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemas kini/disemak, fi bagi carian, fi guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang dikenakan berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemungutan semula dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.

**6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?, sambungan**

6.3 Jika tempoh pembiayaan berlanjutan hingga persaraan, tuan/puan perlu memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membayar ansuran bulanan selepas persaraan tuan/puan.

6.4 Tuan/Puan hendaklah memberi kepada kami semua maklumat yang berkaitan mengenai pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan peniaga yang memberi jualan kredit dsbnya dan memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang memberi kesan ke atas keputusan kami untuk memberi pembiayaan. Kegagalan untuk memberi maklumat penting dan tepat dalam permohonan pembiayaan dan pemberian maklumat yang tidak lengkap atau tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi dikenakan atau permohonan pembiayaan tuan/puan ditolak.

6.5 Tindakan undang-undang akan diambil jika tuan/puan gagal untuk menjawab notis-notis peringatan.

6.6 Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin akan memberi kesan ke atas penarafan kredit tuan/puan yang akan mengakibatkan pinjaman menjadi lebih sukar atau mahal bagi tuan/puan.

6.7 Di bawah keadaan tertentu sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, kewajipan Bank dianggap telah dipenuhi jika notis berkenaan telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar lebih awal.

**Terma dan syarat lain**

1. Tuan/Puan boleh memilih untuk menggunakan panel peguam/pengendali Takaful/ syarikat Insurans/penilai Bank.
2. Berdasarkan kes bergantung pada penilaian kredit tuan/puan oleh Bank, tuan/puan mungkin perlu menyediakan seorang penjamin.

**7. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Bank akan menawarkan rebat (ibra’) yang kurang atas baki keuntungan belum diperoleh.
- Rebat (Ibra’) merujuk pada tindakan seseorang yang mahu melepaskan haknya untuk memungut bayaran yang terhutang daripada orang lain. Bank boleh memberi ibra’ kepada pelanggan bagi pembiayaan berasaskan jualan yang menyelesaikan kemudahannya sebelum tempoh penyelesaian yang dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.
- Contoh Pengiraan:

| | | |
|---|---|---|
| a) Rebat (Ibra’) | = | Keuntungan tertunda - Caj penyelesaian awal |
| Contoh | = | RM98,167.98 – RM0.00 |
| | = | <u>RM98,167.98</u> |
| b) Amaun penyelesaian | = | Harga jualan belum jelas + Ansuran tertunggak – Rebat (Ibra’) |
| Contoh | = | RM267,766.53 + RM2,028.53 - RM98,167.98 |
| | = | <u>RM171,627.08</u> |

- Tiada Fi Penyelesaian Awal akan dikenakan.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Takaful Berjangka Pengurangan Gadai janji (MRTT) | [ ] | Ya | [ ] | Tidak |
| Takaful Berjangka Pembiayaan Perniagaan (BFTT) | [ ] | Ya | [ ] | Tidak |
| Takaful Kebakaran/Isi Rumah/Pemilik Rumah | [ ] | Ya | [ ] | Tidak |

Nota: Pelanggan boleh merujuk kepada Cawangan yang berkaitan mengenai senarai panel pengendali Takaful. Bank boleh memberi sebut harga bagi mana-mana Takaful wajib yang ditawarkan oleh panel pengendali Takaful Bank tetapi pelanggan bebas untuk menggunakan perkhidmatan pengendali Takaful bukan panel. Bagaimanapun, hanya amaun daripada penyedia Takaful yang diluluskan oleh Bank sahaja yang akan diberi pembiayaan.

**9. Apakah risiko utamanya?**

- Kadar keuntungan mungkin berubah mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan Asas (BFR). Kenaikan dalam kadar pembiayaan asas atau kadar asas boleh menyebabkan bayaran bulanan yang lebih tinggi. Bagaimanapun, kadar tidak melebihi Kadar Keuntungan Berkontrak.

- Sekiranya Kerajaan Malaysia mengubah atau meminda apa-apa terma dan syarat termasuk amaun jaminan, Bank berhak untuk membatalkan kemudahan itu atau menstrukturkan semula kemudahan itu tertakluk pada terma dan syarat baharu.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?**

- Adalah penting tuan/puan menghubungi kami (notis bertulis hendaklah dihantar ke cawangan pemegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?**

- Jika tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan hendaklah menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.

- Jika tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, tuan/puan boleh menghubungi:

**Public Islamic Bank Berhad**
**Tingkat 25, Menara Public Bank**
**146 Jalan Ampang**
**50450 Kuala Lumpur**

| | | |
|---|---|---|
| **Telefon** | : | 1-800-22-5555 |
| **Faks** | : | 03-2162 2224 |
| **Emel** | : | islamicbkg@publicislamicbank.com.my |
| **Laman web** | : | https://www.publicislamicbank.com.my |

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?, sambungan**

- Selain itu, tuan/puan boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi khidmat percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

  **Tingkat 8, Maju Junction Mall**
  **1001, Jalan Sultan Ismail**
  **50250 Kuala Lumpur**
  **Telefon** : 03-2616 7766
  **E-mel** : enquiry@akpk.org.my

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

  **Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)**
  **Bank Negara Malaysia**
  **P.O. Box 10922**
  **50929 Kuala Lumpur**
  **Telefon** : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
  **Luar Negeri** : 603-2174 1717
  **Waktu Operasi** : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
  **Web Form (Borang Web)** : telelink.bnm.gov.my

**12. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?**

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan, sila layari laman web *bankinginfo* melalui www.bankinginfo.com.my.

**13. Pembiayaan Lain yang Disediakan**

- Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar-i BAE (BAE TRRF-i)
- Kemudahan Semua Sektor Ekonomi-i PKS BAE BNM [BAE BNM SME AES-i] (Skim Jaminan)
- Kemudahan Semua Sektor Ekonomi-i PKS BAE BNM [BAE BNM SME AES-i] (Skim Bukan Jaminan)
- Skim Jaminan Modal Kerja-i 2 (WCGS-i 2)
- Skim Jaminan Modal Kerja-i Permulaan (WCGS-i Start Up)
- Skim Jaminan Modal Kerja-i Bumiputera (WCGS-i Bumi)
- Skim Jaminan Modal Kerja-i Wanita (WCGS-i Women)
- Skim Jaminan Modal Kerja-i Eksport (WCGS-i Export)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL SEKIRANYA TUAN/PUAN TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAGI PEMBIAYAAN TUAN/PUAN.**

Maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk pada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh : ……………………………………………………..………….………....

Nama Pegawai/Pegawai Pemasaran : ………………………………………………………………………

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan borang pendedahan ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah pada tarikh di atas.